

Pemilihan MPP UMP berintegriti, dilaksana secara teratur

BH (Varsiti) Ichumis 24/2/11 ms14

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) ingin menjelaskan isu aduan 'Saya Mahasiswa Peduli' bertajuk Kecelaruan Pilihan Raya UMP' yang disiarkan dalam Varsiti, 17 Februari lalu. UMP sentiasa memastikan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dilaksanakan secara teratur, telus dan berintegriti.

Aduan mengenai kecelaruan pemilihan MPP di UMP ini adalah tidak berasas memandangkan semua proses pemilihan MPP dilaksanakan dengan berpaduan peraturan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar 2011 yang juga searas dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 2009).

Dalam peraturan pemilihan MPP jelas mempertutkan mengenai kelayakan calon yang ingin bertanding terbuka kepada mana-mana pelajar berdaftar dan yang tidak hilang kelayakan untuk dipilih di bawah perle-



PENOLONG Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Yuserrie Zainuddin (kiri) menunjukkan keputusan calon bertanding seramai 53 orang selepas pengumuman rasmi, baru-baru ini.

bagaan. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk bertanding dalam pilihan raya kampus.

Pihak UMP tidak pernah melantik mana-mana kumpu-

lan pelajar secara rasmi bagi tujuan pemilihan MPP. Namun pihak UMP juga tidak pernah menghalang mana-mana pelajar secara sukarela bergiat aktif membantu calon MPP bagi memastikan kelancaran

sepanjang berlangsungnya proses pilihan raya.

Beberapa juga dengan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kelab dan persatuan yang sama menjadi pucuk pimpinan MPP, namun terpulang kepada kemampuan dan kepimpinan masing-masing.

Itu sebenarnya tidak langsung mengganggu calon bagi pemilihan MPP kerana calon yang benar-benar ingin bertanding kerusi MPP pasti akan menunggu tarikh pemilihan MPP.

Ini terbukti pada hari penamaan calon pada 17 Februari lalu yang mana pencalonan yang diterima sebagai calon MPP yang bertanding ialah seramai 53 orang berbanding 39 calon orang pada tahun lalu.

UMP tidak menghalang calon MPP untuk memegang jawatan dalam kelab atau persatuan dan pada masa yang sama menjadi pucuk pimpinan MPP, namun terpulang kepada kemampuan dan kepimpinan masing-masing.

Ia akan dapat membina kualiti kepimpinan MPP itu sendiri dengan kelebihan kepada calon yang dipilih sekiranya mereka mempunyai pengalaman memegang jawatan dalam kelab dan persatuan.

Mahasiswa sebagai pemimpin masa depan harus berfikiran kreatif dan kritis dalam meneruskan agenda pembangunan dan mencorak masa depan negara. Gunakanlah peluang yang diberikan di universiti untuk mencipta kejayaan. Malah jika tiada peluang, ciptalah peluang untuk kebaikan bersama.

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN MEDIA,
Universiti Malaysia Pahang.

RUANGAN ini disediakan untuk mahasiswa meluahkan masalah, memberi pandangan, manakala pihak pengurusan universiti pula memberi penjelasan berhubungan masalah dan aduan. E-mel maklumat berkenaan ke bhvarsiti@bharian.com.my.